

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)

NO. SOALAN : 465

Dato' Johari Bin Abdul minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengemukakan rang undang-undang bagi membenarkan parti-parti politik yang bertanding dalam pilihanraya dibenarkan menerima bantuan kewangan dari sumber luar negara.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 30 September 2016, JKNMPP telah mengumumkan sebanyak 32 cadangan kepada Kerajaan bagi menyelesaikan isu-isu yang melibatkan pembiayaan politik yang bakal dijadikan sebagai input penting dalam penyediaan rang undang-undang yang baharu iaitu Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik.

Antara cadangan tersebut termasuklah pengharaman terhadap sumbangan tunai daripada sumber asing kepada parti politik atau ahli politik. Ini termasuk sumbangan daripada individu, syarikat, yayasan, organisasi, persatuan atau mana-mana entiti yang berdaftar atau tidak berdaftar, yang tidak berpejabat di Malaysia.

Cadangan pengharaman terhadap sebarang sumbangan tunai daripada sumber asing dibuat berdasarkan kebimbangan apabila sebuah parti atau ahli politik yang menerima sumbangan secara terlindung, ianya berkemungkinan mewujudkan risiko campur tangan asing dalam isu kedaulatan negara.

Sekian, terima kasih.